

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membendung perkahwinan kanak-kanak serta apakah status Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur, jawatankuasa PEMANDU dan apakah usaha Kerajaan terhadap 7 negeri yang tidak bersetuju untuk menetapkan 18 sebagai had umur perkahwinan dan nyatakan bilangan perkahwinan di bawah umur 18 yang berlangsung di mahkamah sivil dan mahkamah Syariah dari bulan Januari 2020 sehingga kini dan di mana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melancarkan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur pada awal tahun ini. Pada masa yang sama, Kerajaan turut meneruskan usaha untuk memantau pelaksanaan Pelan tersebut melalui Jawatankuasa Pemandu Pelan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Melalui Jawatankuasa Pemandu tersebut, kerjasama berterusan antara kementerian dan agensi berkaitan dalam menangani punca perkahwinan bawah umur dapat diteruskan.

Jawatankuasa Pemandu ini melaksanakan fungsinya sepanjang tempoh Pelan tersebut dilaksanakan iaitu mulai tahun 2020 sehingga 2025. Jawatankuasa ini juga perlu bersidang sebanyak dua (2) kali dalam setahun. Untuk makluman Yang Berhormat jua, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ini telah bersidang pada 24 Ogos 2020 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum yang mempunyai adat, budaya dan agama yang berlainan, maka rundingan dan sesi libat urus bersama pakar-pakar berkaitan termasuk pakar kanak-kanak, pakar budaya dan pakar syarie masih perlu dilaksanakan bagi memastikan pandangan daripada semua pihak diambil kira dalam penetapan had minimum umur perkahwinan pada umur 18 tahun terutamanya di negeri-negeri yang masih belum bersetuju.

Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), bagi pasangan Muslim, sejumlah 520 kes permohonan perkahwinan bawah umur dicatatkan bermula pada awal Januari sehingga September 2020. Kes yang paling banyak direkodkan bagi tempoh tersebut adalah di Sarawak sebanyak 83 kes, seterusnya di Kelantan sebanyak 80 kes, dan

SOALAN NO. : 27

diikuti negeri Sabah sebanyak 63 kes. Manakala, bagi pasangan bukan Islam berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sejumlah 23 kes telah didaftarkan bagi tempoh tersebut. Kes yang paling banyak direkodkan bagi tempoh tersebut adalah di Sarawak iaitu sebanyak 7 kes, seterusnya diikuti oleh Selangor yang mencatatkan sebanyak 6 kes.

Sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum, data perkahwinan bawah umur direkodkan oleh pelbagai agensi berbeza dengan definisi dan julat umur yang berbeza, termasuklah perkahwinan adat bukan Islam yang tidak direkodkan oleh JPN. Sehubungan itu, data terkini yang memberi gambaran yang tepat mengenai perkahwinan secara keseluruhan di bawah umur 18 tahun adalah data tahun 2018 berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pada tahun 2018, sejumlah 1,856 kanak-kanak terlibat dalam perkahwinan di bawah umur 18 tahun dengan pecahan 1,674 dari etnik Bumiputera, 100 dari etnik Cina, 20 dari etnik India, dan 62 dari etnik lain-lain.